

Kit Hari Minggu Katekatikal

2025



1

Ketahui apa itu
Hari Minggu Katekatikal,
dan bagaimana minggu ini bermula!



7

Doa Jubli
Untuk tahun 2025!

2

Bunga Yang Mekar:
sebuah aktiviti sensori untuk
kanak-kanak!

5

Menciptakan sebuah panggilan
untuk bertindak dengan
Aktiviti Mewarna Dunia
yang Lebih Baik!

6

Lakukan perbezaan
dengan menyertai
Aktiviti Bingo Dunia
yang Lebih Baik!

Apa itu Hari Minggu Katekatikal?

Hari Minggu Katekatikal bermula yang merupakan sebuah peluang bagi para katekis, ibu bapa dan penjaga untuk memberikan semula komitmen mereka terhadap misi katekisis, dan merayakan serta memperkasakan panggilan mereka sebagai komuniti beriman. Perayaan Hari Minggu Katekatikal merupakan satu maklum balas kepada dokumen yang telah dikeluarkan oleh Vatikan pada tahun 1935. "Mengenal Penjagaan dan Promosi Pendidikan Katekatikal yang lebih baik". Dalam dokumen ini, terdapat satu panggilan untuk Gereja yang menyeru dunia agar tidak hanya mengakui kepentingan pelayanan pengajaran ini, tetapi juga memberi penghargaan kepada para katekis, yang melayani komuniti Kristian.

Bilakah Hari Minggu katekatikal 2025?

Tahun ini, Minggu Katekatikal diraikan pada 3 Ogos 2025!

Mengapakah tarikh ini diubah?

Sebelum ini, minggu Katekatikal dirayakan pada setiap Ahad yang terakhir dalam bulan Januari, peralihan hari kepada hari Ahad yang pertama dalam bulan Ogos dapat memberi laluan untuk pelbagai program di keuskupan dan paroki yang lain untuk dijalankan – terutamanya program pada awal tahun.

Apakah Tema pada Tahun ini?

Tema pada tahun ini adalah: "Kita Dapat Menjadikan Dunia Sebuah Tempat Yang Lebih Baik"(Fil 2:4). Anda dijemput untuk merenung dengan lebih mendalam akan tema ini dengan membaca Pesanan Hari Minggu Katekatikal yang telah disediakan oleh Komisi Katekatikal Malaysia!

Kit Hari Minggu katekatikal Ini

Bahan-bahan dalam Kit Hari Minggu Katekatikal ini adalah untuk edaran dalaman dan kegunaan peribadi sahaja (bukan untuk tujuan komersial). Semua bahan yang diguna pakai daripada sumber luar telah diakui penggunaannya serta dipetik, mengikut kesesuaian.

Bunga Yang Mekar

Apakah yang Saya Perlukan ?


- Gunting
- Bahan Laminator
- Gam
- Botol Penyembur (diisi dengan air)

Rujukan Video




Langkah 1:

Gunting 5 bunga tersebut.




Langkah 2:

Laminakan Muka Surat 4
(Latar belakang Taman)




Langkah 3:

Lipatkan kelopak bunga ke dalam.



Langkah 4:






Gamkan bunga pada batang.



Langkah 5:

Sembur bunga dengan air,
dan bantu bunga untuk mekar!





KITA DAPAT MENJADIKAN DUNIA




SEBUAH TEMPAT YANG
LEBIH BAIK (FILIPi 2:4)

(nama saya)

Bingo Dunia Yang Lebih Baik

Sekiranya kita ingin melihat dunia yang lebih baik, lebih dahulu kita harus MENJADI perubahan yang ingin kita lihat! Pada kad Bingo Dunia Yang Lebih Baik, kamu akan melihat pelbagai perbuatan baik dan cara untuk membantu orang lain. Tujuan utama kamu adalah untuk menyelesaikan sebanyak mana kotak perbuatan baik ataupun bantuan yang kamu dapat lakukan dalam minggu atau bulan itu. Apabila kamu melakukan hal yang baik, tandakan pada kotak tersebut! Kongsikan pengalaman kamu pada minggu berikutnya, dan lihat sebanyak mana yang dapat kita capai bersama!

Bantu rakan mengambil sesuatu yang mereka terjatuhkan	Kongsi alat mainan atau permainan dengan mereka yang tidak punya mainan	Bercerita, mengajak atau bermain dengan mereka yang bersendirian
Bantu rakan sekelas dengan tugas ataupun kerja rumah mereka	Menawarkan diri untuk membantu guru mengemas kelas	Berikan pujian kepada seseorang
Bertanya tentang keadaan/perasaan seseorang lalu mendengar secara prihatin	Ucapkan hal yang baik tentang seseorang kepada orang lain	Katakan pada seseorang bahawa kamu sangat menghargai mereka atas sesuatu yang telah mereka lakukan



(nama saya)



Doa Jubli

Tahun Jubli 2025

*Bapa yang di syurga,
semoga iman yang telah engkau anugerahkan kepada kami
dalam putra-mu, yesus kristus, saudara kami,
dan nyala api cinta kasih yang dicurahkan
ke dalam hati kami oleh roh kudus,
membangkitkan pengharapan yang mulia
akan kedatangan kerajaan-mu di dalam diri kami.*

*Semoga Rahmat-Mu mengubah kami
menjadi penabur-penabur yang gigih akan benih-benih injil
yang menghidupkan umat manusia dan seluruh alam semesta
dalam penantian yang penuh iman akan syurga dan bumi baru,
ketika mengalahkan kekuatan jahat,
kemuliaan-mu akan dinyatakan untuk selama-lamanya.*

*Semoga rahmat Tahun Jubli ini,
menghidupkan kembali dalam diri kami, para penziarah pengharapan,
kerinduan akan harta syurgawi,
dan curahkanlah bagi seluruh dunia,
sukacita dan damai dari sang penebus kami.
bagi-mu, ya allah yang mahakuasa, pujian dan kemuliaan
sepanjang segala masa.*

Amin.



Acknowledgements

Illustrations: Cover Image by pch.vector on Freepik (<https://shorturl.at/VOcp6>)
Page 2 Image by Muhammad_Usman on Freepik (<https://shorturl.at/PpCRq>)
Page 2 Image by Ehtisham Abid on Freepik (<https://shorturl.at/Krmh0>)
Page 2 Image by faisalovers on Freepik (<https://shorturl.at/rgg02>)
Page 3 Images by Freepik (<https://shorturl.at/Xqgcj>)
Page 4 Background (Canva)
Page 5 Colouring Activity by Sermons4Kids (<https://shorturl.at/vJqoS>)
Autumn Watercolor Cliparts Collection by Eleonora Kendra

Fonts: Dextotick (Dhan Studio), Fox Bonsai (Rattana Rattanawan)
& Gafata (Lautaro Hourcade)

Translation (Iban): Francis Dampa anak Inggor
Translation (Chinese): Adelina Wong
Translation (Tamil): Theresa Ayyakkannu
Translation (Bahasa Malaysia): Wiena Francisca Tony

Arranged By: National Catechetical Office

